



SYARAT DAN PERATURAN KOLAM KING KELI KLIA

- Pengumuman Berat Ikan Juara akan diumumkan 15 min sebelum pertandingan bermula.
- Hanya 1 joran dan 1 mata kail sahaja dibenarkan (digunakan umum untuk pertandingan air-tawar)
- Sticker joran wajib ditampal di Joran. Sekiranya ikan didaratkan oleh pemancing dan tiada sticker joran, ikan tersebut dikira batal.
- Sebarang umpan anak ikan hidup, penggunaan minyak kulim dan minyak yang tiada logo halal adalah tidak dibenarkan. Segala umpan yang mengandungi bahan kimia, bahan beracun / toksik dilarang sama sekali.
- Teknik penggunaan batu ladung, apong tanpa ladung atau sebagainya adalah bebas diguna pakai.
- Pelampong kekal / masmelow / tidak dibenarkan.
- Tidak dibenarkan memakai clay atau plastesin (barang yang boleh membuat umpan terapung).
- Pemancing wajib duduk di nombor pancang yang telah didaftarkan.
- Pemancing boleh berpindah ke kolam lain dengan syarat, hanya boleh duduk di pancang yang kosong atau tidak di daftarkan sahaja.
- Dilarang duduk di pancang yang bertuan yang telah didaftarkan.
- Pemancing wajib menggunakan stand (pancang) semasa memancing.
- Hanya Ikan hidup sahaja dikira & tangkapan mestilah bol dan disahkan oleh marshall bertugas.
- Dilarang menyentuh ikan sebelum pengesahan dari marshall. Dikira batal jika disentuh sebelum pengesahan oleh marshall.
- Ikan yang didaratkan wajib menggunakan tangguk.
- Bagi ikan yang tidak boll, pihak marshall akan membuka mata kail dan melepaskannya semula ke dalam kolam.
- Pengesahan boll oleh marshall akan dilakukan di ban sahaja.
- Setelah disahkan, kad boll akan diberi dan pihak marshall wajib mencatat masa pada kad boll tersebut.
- Pemancing tidak dibenarkan menyimpan ikan keli yang didaratkan.
- Pemancing perlulah membuka ikan sendiri dan menghantar di meja timbang, Pemancing tidak perlu membawa pancang dan hanya membawa ikan sahaja didalam tangguk.
- Pemancing tidak dibenarkan menggunakan pengepit dimulut ikan sewaktu menghantar ikan untuk ditimbang.
- Pemancing tidak dibenarkan membawa dan menggunakan penimbang sendiri untuk menimbang ikan yang telah dinaikkan.
- Ikan hanya boleh ditimbang sekali sahaja dikaunter penimbang dan akan terus dilepaskan semula ke dalam kolam.
- Pemancing dilarang untuk menyimpan ikan, menghempas ikan, melumurkan ikan ke atas tanah dan batu-batu. Sekiranya pihak penganjur mendapati pemancing berbuat demikian, secara automatiknya penyertaan akan terbatal.
- Sekiranya berlaku sebarang penipuan semasa ikan didaratkan, pihak penganjur juga berhak membatalkan penyertaan pemancing.
- Anda dinasihatkan untuk kerap membuat semakan keputusan tidak rasmi melalui imbasan kod QR yang diberikan sekiranya anda ragu dengan keputusan ranking, anda boleh membuat bantahan sejeurus selepas tamat masa pertandingan. Masa bantahan akan diberikan selama 15 minit Sahaja.
- Pemancing /wakil/ jokie wajib bawa bersama kad boll telah disahkan sahaja hanya 1 ekor ikan sahaja boleh di timbang dalam satu masa. Ikan yang berikut perlu beratur semula ikan yang dibawa perlu di isi dalam jud / tangguk sahaja
- Ikan yang boleh ditimbang adalah ikan yang didaratkan sebelum masa tamat pertandingan sahaja.

- Ikan anda perlulah berada didalam tangguk/jud sebelum siren dibunyikan.
- Ikan yang dinaikkan selepas siren tamat dibunyikan tidak akan dikira dipenimbang.
- Sekiranya pemancing ternampak pemancing lain atau marshall melakukan kesalahan, sila laporkan segera pada pihak urusetia berserta bukti yang jelas. Pesalah tersebut akan di ambil tindakan.
- Berat tangkapan yang sama akan ditentukan dari segi masa. Keputusan penganjur adalah muktamad.
- Ikan juara hanya sah sekiranya adanya video yang jelas di penimbang dan video semasa ikan dihantar.
- Ikan juara tidak akan disimpan di kaunter penimbang atau lain-lain tempat. Ikan akan terus dilepaskan ke dalam kolam semula.
- Sebarang bantahan mesti dibuat secara bertulis dalam tempoh 15 minit selepas keputusan diumumkan. Sekiranya bantahan tidak dapat diselesaikan, pihak penganjur berhak untuk memuktamadkan keputusan.
- Bayaran bantahan (jika ada) akan dipulangkan sekiranya bantahan diterima.
- Kad boll dan resit wajib diberi kepada urusetia untuk tuntutan sampul hadiah.
- Sampul hadiah hanya boleh dituntut sewaktu pembahagian hadiah sahaja. Pemancing dinasihatkan untuk memeriksa terus hadiah sebelum meninggalkan kaunter tuntutan hadiah.
- Sebarang tuntutan hadiah selepas pemancing meninggalkan kaunter hadiah tidak akan dilayan oleh pihak penganjur.
- Pihak penganjur berhak untuk membuat keputusan samada meneruskan atau menamatkan waktu pertandingan sekiranya berlaku bencana alam atau keadaan cuaca yang buruk seperti hujan yang sangat lebat, guruh petir dan juga ribut taufan. Bagi mengelakkan berlaku kejadian yang tidak diingini yang boleh memudaratkan nama baik penganjur.
- Anak-anak kecil dan penonton tidak dibenarkan berada di batas sewaktu pertandingan dijalankan. Pihak penganjur kolam tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan anak-anak dan penonton sekiranya berlaku kemalangan di kawasan ban.
- Dilarang membawa masuk ikan dari luar kawasan pertandingan.
- Dilarang menukar atau mencampur ikan dengan peserta lain.
- Sebarang unsur penipuan akan menyebabkan penyertaan dibatalkan serta-merta.
- Minuman keras dan pergaduhan tidak dibenarkan.
- Peserta bertanggungjawab atas keselamatan diri & harta benda sendiri.
- Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kecederaan yang dialami oleh pihak pemancing.
- Pemancing dinasihatkan untuk memakai pakaian dan kasut yang sesuai.
- Sekiranya pihak pemancing mempunyai sebarang aduan atau cadangan, pihak pemancing boleh menghubungi penganjur ditalian 012-2773903 @ 012-2773603

KEPUTUSAN DARI PIHAK PENGANJUR (KING KELI KLIA) ADALAH MUKTAMAD

